

KEDUDUKAN *ṬAYYIB* SEBAGAI PRASYARAT DALAM PEMAKANAN DARI PERSPEKTIF SYARAK: ANALISIS PANDANGAN EMPAT MAZHAB FIQAH

THE POSITION OF ṬAYYIB AS A PREREQUISITE FOR FOOD FROM THE ISLAMIC PERSPECTIVE: AN ANALYSIS OF THE VIEWS OF THE FOUR SCHOOLS OF FIQH

Abdulhakim Fakhruddin Muhamad Ridzuan^{1*}

Mohd Hapiz Mahaiyadin²

Mohd Dasuqkhi Mohd Sirajuddin³

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Shah Alam, Malaysia,
Email: 2024962403@student.uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Shah Alam, Malaysia,
(Email: mohdhapiz659@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Shah Alam, Malaysia,
(Email: dasuqkhi@uitm.edu.my)

*Corresponding author: Author A email address

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Ridzuan, A. F. M., Mahaiyadin, M. H. B., & Sirajuddin, M. D. M. (2025). Kedudukan *ṭayyib* sebagai prasyarat dalam pemakanan dari perspektif syarak: Analisis pandangan empat mazhab fiqah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 10 (75), 505 – 517.

Abstrak: Islam menitik beratkan soal pemakanan kerana impaknya yang signifikan terhadap kehidupan manusia. Terdapat pelbagai ayat al-Quran dan hadis yang menekankan soal pemakanan yang halal dan *ṭayyib*, yang menjadikannya sebagai panduan pemakanan dalam Islam. Berdasarkan kepada sorotan literatur yang dijalankan, terdapat kecenderungan sebahagian pengkaji yang menganggap *ṭayyib* hanya sebagai satu nilai tambah dalam pemakanan dan bukannya sebagai satu prasyarat yang perlu dipenuhi. Justeru, penyelidikan ini dijalankan bagi menganalisis pandangan para fuqaha dalam kalangan empat mazhab fiqah yang muktabar bagi mengenal pasti kedudukan *ṭayyib* sebagai prasyarat pemakanan dari perspektif syarak. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif secara deskriptif dengan menjalankan analisis tematik terhadap kitab-kitab muktamad dalam keempat-empat mazhab fiqah. Kajian ini mendapati bahawa keempat-empat mazhab fiqah yang muktabar bersepakat bahawa *ṭayyib* adalah merupakan salah satu daripada prasyarat pemakanan dari perspektif syarak. Justeru, penggunaan istilah “makanan yang tidak *ṭayyib*” di sisi syarak merujuk kepada makanan yang bercanggah dengan hukum syarak, dan makanan yang dibenarkan kepada umat Islam hanyalah makanan yang diiktiraf di sisi syarak sebagai makanan yang halal dan *ṭayyib*. Hasil penyelidikan ini turut memperkukuh pemahaman yang menyeluruh terhadap hukum fiqah dalam pemakanan serta memberikan pandangan yang bernilai bagi wacana semasa berkaitan etika dan amalan pemakanan.

Kata Kunci: Empat Mazhab, Fiqah, Pemakanan, *Ṭayyib*

Abstract: *Islam places great emphasis on the issue of food consumption due to its significant impact on human life. Numerous verses from the Qur'an and prophetic traditions (ḥadīth) underscore the importance of consuming food that is both ḥalāl (permissible) and ṭayyib (wholesome), thus establishing a comprehensive dietary guideline in Islam. Based on a review of the existing literature, it is observed that some scholars tend to regard ṭayyib merely as an additional value in food consumption rather than as a prerequisite that must be fulfilled. Accordingly, this study seeks to analyse the perspectives of scholars from the four recognised schools of Islamic jurisprudence in order to determine the position of ṭayyib as a dietary requirement from the standpoint of Islamic law. This qualitative study adopts a descriptive research design and employs thematic analysis on authoritative legal texts from all four Sunni schools of thought. The findings reveal a consensus among the four major schools that ṭayyib constitutes one of the essential conditions for food consumption in Islamic law. Consequently, the term “non-ṭayyib food” refers to food that is deemed inconsistent with the principles of Shari'ah, and only food that is both ḥalāl and ṭayyib is considered lawful for consumption by Muslims. These findings enhance the comprehensive understanding of Islamic dietary jurisprudence and offer valuable insights for contemporary discourse on food ethics and consumption practices.*

Keywords: *Fiqh, Food Intake, Four Schools of Fiqh, Ṭayyib*

Pengenalan

Pemakanan merupakan antara aspek yang sangat ditekankan oleh syarak. Hal ini dapat dilihat pada kepelbagaian hukum dan adab yang berkaitan dengan pemakanan yang ditetapkan di dalam Islam terhadap penganutnya, bahkan Allah SWT di dalam al-Quran membuat perbandingan antara orang yang beriman dengan orang yang tidak beriman juga antaranya pada aspek pemakanan seperti firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا يَتَمَتَّعُونَ وَيَأْكُلُونَ كَمَا تَأْكُلُ الْأَنْعَامُ وَالنَّارُ مَثْوًى هُمْ

Terjemahan: “...dan (sebaliknya) orang-orang yang kafir menikmati kesenangan di dunia serta mereka makan minum sebagaimana binatang-binatang ternak makan minum, sedang nerakalah menjadi tempat tinggal mereka”.

(Muhammad: 12)

Al-Qurtubiy (1964) ketika menghuraikan ayat ini menjelaskan bahawa perumpamaan ini menunjukkan bahawa orang yang tidak beriman hanya berseronok dengan makan dan minum di dunia tanpa memikirkan mengenai hal-hal lain dari aspek kesan pemakanan terhadap perkara ukhrawi. Sebaliknya orang yang beragama Islam pula mengambil berat soal pemakanan bukan hanya kerana kesannya di dunia semata-mata, bahkan juga kerana pemakanan turut memberi kesan terhadap akhirat. Ibn Kathīr (1999) ketika menghuraikan ayat ini juga turut mengaitkan ayat ini dengan hadis yang diriwayatkan oleh ‘Abd Allāh bin ‘Umar bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْمُؤْمِنُ يَأْكُلُ فِي مَعَى وَاحِدٍ، وَالْكَافِرُ يَأْكُلُ فِي سَبْعَةِ أَمْعَاءٍ

Terjemahan: “Orang mukmin makan dengan satu usus, sementara orang kafir makan dengan tujuh usus”.

(Riwayat al-Bukhāriy, 5393)

Penelitian kepada nas-nas al-Quran mendapati bahawa sekurang-kurangnya terdapat empat tempat yang secara khusus menggabungkan halal dan *tayyib* sebagai satu tuntutan dalam pemakanan (Sirajuddin & Mahaiyadin, 2022). Konsep *halālan tayyiban* secara umumnya difahami sebagai pemakanan yang tidak mempunyai larangan di dalam nas dan juga baik untuk tubuh badan. Namun begitu, terdapat sebahagian sarjana kontemporari yang berpandangan bahawa *tayyib* hanyalah sebagai satu nilai tambah sahaja kepada nilai halal dalam pemakanan. Pandangan seperti ini antaranya disebutkan oleh Kamali (2013) yang menganggap bahawa perkara yang menjadi syarat minimum di dalam pemakanan bagi orang Islam hanyalah pada syarat halal sahaja, iaitu dengan memastikan tiada larangan terhadap sesuatu makanan. Sebaliknya aspek *tayyib* hanyalah dianggap sebagai nilai tambah dan bukannya satu kemestian yang perlu dipenuhi.

Atas dasar ini juga, terdapat kecenderungan dalam kalangan sarjana kontemporari untuk memperluaskan konsep *tayyib* selaras dengan perkembangan teknologi dalam pemakanan, seperti konsep *tayyib* yang dinilai dari sudut sesuatu yang diproses di tempat yang bersih dan mematuhi panduan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak-pihak yang berautoriti (Md Dahlal & Ahmad, 2019), sesuatu yang mempunyai nutrien dan berkhasiat (Zainol et al., 2020), memberi manfaat kepada kesihatan (Aziz, N. et al., 2023), merujuk kepada keselamatan makanan (Mohamed & Shafiai, 2021), merujuk kepada persekitaran kawasan penyediaan sesuatu makanan yang bersih dan selamat (Elgharbawy & Azmi, 2022), merujuk kepada aspek tahap autentik sesuatu makanan atau minuman (Hashim et al., 2022), dan pelbagai lagi pandangan yang memperluaskan konsep *tayyib*.

Walaupun konsep *halālan tayyiban* diterima secara umumnya, namun konsep *tayyib* masih belum dibincangkan secara tuntas seperti banyaknya kajian-kajian berkaitan konsep halal (Abdul Mokti et al., 2024). Isu mengenai kedudukan *tayyib* dari perspektif syarak juga wajar untuk dikaji bagi mengenal pasti kedudukannya, sama ada sebagai salah satu prasyarat dalam pemakanan, atau hanya sekadar nilai tambah. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kedudukan *tayyib* sebagai prasyarat dalam pemakanan dengan menganalisis pandangan para fuqaha dalam kalangan empat mazhab fiqah yang muktabar. Pandangan fuqaha dalam hal ini wajar diberikan perhatian kerana aspek *tayyib* merupakan salah satu daripada istilah yang digunakan oleh syarak terhadap kriteria pemakanan orang Islam, justeru aspek ini mestilah difahami melalui kerangka disiplin ilmu *uṣūl al-fiqh*.

Metodologi Kajian

Memandangkan objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti kedudukan *tayyib* dari perspektif syarak dengan menganalisis pandangan empat mazhab fiqah yang muktabar, maka kajian ini hanya melibatkan data-data kualitatif, iaitu data-data kajian yang tidak melibatkan angka atau statistik. Justeru, kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif secara deskriptif. Dalam mendapatkan data-data kajian berkaitan pandangan-pandangan empat mazhab fiqah yang muktabar, dokumen-dokumen yang muktabar telah dipilih sebagai sampel kajian yang terdiri daripada kitab-kitab yang dikarang oleh para sarjana yang muktabar seperti yang disenaraikan dalam jadual 1.

Jadual 1: Senarai Sampel Kajian

#	Penulis	Dokumen	Cetakan	Mazhab	Kod
1	'Alā' al-Dīn Abū Bakr al-Kāsāniy	Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'	Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah (1986)	Hanafi	HF1
2	Muḥammad bin al-Ḥasan al-Shaybāniy.	Al-Aṣl	Dār Ibn Ḥazm (2012)	Hanafi	HF2
3	Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad al-Shilbiy	Ḥāshiyah 'alā Tabyīn al-Ḥaqā'iq Sharḥ Kanz al-Daqa'iq	Al-Maṭba'ah al-Kubrā al-Amīriyyah (1314H)	Hanafi	HF3
4	Al-'Ayniy, Badr al-Dīn Abū Muḥammad Maḥmūd	'Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy	Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiyy (1431H)	Hanafi	HF4
5	Zarrūq, Shihāb al-Dīn Abū al-'Abbās Aḥmad bin Aḥmad al-Fāsiy	Sharḥ Zarrūq 'alā Matn al-Risālah li Ibn Abī Zayd al-Qayruwāniy	Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah (2006)	Maliki	M1
6	Ibn Rushd al-Jadd, Abū al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Rushd al-Qurtūbiy	Al-Bayān wa al-Taḥṣīl	Dār al-Gharb al-Islāmiyy	Maliki	M2
7	Al-Nawawīy, Abū Zakariyyā Muḥyi al-Dīn	Al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab	Idārah al-Tibā'ah al-Munīriyyah	Syafii	S1
8	Al-Shirbīniy, Shams al-Dīn Muḥammad al-Khaṭīb	Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī al-Minhāj	Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah (1994)	Syafii	S2
9	Al-Nawawīy, Abū Zakariyyā Muḥyi al-Dīn	Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim	Dār al-Khayr (1996)	Syafii	S3
10	Ibn Qudāmah, Muwaffaq al-Dīn Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmad al-Maqḍisiy	Al-Mughnī	Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah (1994)	Hanbali	HB1
11	Al-Buhūtiy, Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs	Daqa'iq Ulī al-Nuhā li Sharḥ al-Muntahā	'Ālam al-Kutub (1993)	Hanbali	HB2

Sumber: Ringkasan Pengkaji

Pemilihan dokumen-dokumen ini adalah berdasarkan kepada pandangan Jumu'ah (2007) yang menjelaskan bahawa dokumen-dokumen tersebut adalah dokumen yang berautoriti dalam menisbahkan pandangan setiap mazhab. Manakala bagi dokumen S3, iaitu dokumen yang bertajuk "*Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*" yang ditulis oleh al-Nawawiy yang walaupun tidak ditulis dalam disiplin ilmu fiqh secara khusus, namun ketokohan al-Nawawiy sendiri diperakui berautoriti sebagai penyusun dan penyunting mazhab Syafii (Al-Saqqāf, n.d.). Begitu juga dokumen yang dikodkan sebagai HF4, secara asasnya bukan ditulis dalam disiplin ilmu fiqh, namun al-Suyūṭiy (1967) menyokong autoriti penulisnya iaitu Badr al-Dīn al-'Ayniy sebagai salah seorang sarjana yang menjadi rujukan dalam mazhab Hanafi dan menganggapnya sebagai salah seorang hakim (*qāḍī*) dalam mazhab Hanafi.

Setiap daripada sampel kajian yang disenaraikan dalam Jadual 1 disertakan dengan kod bagi memudahkan rujukan dalam bahagian analisis dapatan kajian yang akan datang. Analisis yang dijalankan terhadap sampel-sampel kajian adalah melalui dua peringkat analisis, iaitu; (i) pencarian perkataan "*ṭayyib*", "*ṭayyibāt*", dan "*ṭayyiban*" menggunakan perisian Maktabah al-Shāmilah, dan juga (ii) melalui analisis tematik dalam setiap bab yang berkaitan dengan pemakanan di dalam sampel-sampel kajian, yang biasanya disentuh dalam bab "*al-aṭ'imah*" (pemakanan) dan bab "*al-ashribah*" (minuman).

Analisis Dapatan Kajian

Hasil analisis yang dijalankan terhadap sampel-sampel kajian mendapati bahawa setiap daripada empat mazhab fiqh telah menyentuh mengenai konsep *ṭayyib* dalam pemakanan. Walaupun tidak ditemui kenyataan para fuqaha yang jelas dan secara spesifik menyebutkan *ṭayyib* sebagai prasyarat dalam pemakanan, namun analisis terhadap kenyataan-kenyataan mereka menunjukkan bahawa secara umumnya dapat difahami bahawa para fuqaha meletakkan *ṭayyib* sebagai prasyarat dalam pemakanan sama ada *ṭayyib* itu sendiri adalah halal mahupun *ṭayyib* merupakan elemen lain selain daripada halal yang kedua-duanya menjadi prasyarat dalam pemakanan.

Pandangan para fuqaha dalam menjadikan *ṭayyib* sebagai prasyarat dalam pemakanan mengikut hukum syarak adalah bersandarkan kepada nas syarak yang menggabungkan antara halal dan *ṭayyib* sebagai kriteria makanan bagi orang Islam. Hal ini dapat dilihat misalnya pada beberapa ayat antaranya firman Allah SWT:

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

Terjemahan: "Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman".

(al-Mā'idah: 88)

Bahagian ini akan membincangkan secara terperinci pandangan setiap mazhab fiqh mengenai kedudukan *ṭayyib* sebagai prasyarat dalam pemakanan. Perbincangan dalam bahagian ini disusun mengikut kronologi kemunculan setiap mazhab, iaitu dimulakan dengan mazhab Hanafi, diikuti mazhab Maliki, kemudian mazhab Syafii dan diakhiri dengan mazhab Hanbali. Susunan ini tidak menunjukkan sebarang prioriti antara setiap pandangan sebaliknya hanya berdasarkan kepada kemunculan mazhab mengikut imam-imam mazhab, iaitu bermula dengan Imam Abu Ḥanīfah Nu'mān bin Thābit yang wafat pada tahun 150H, Imam Mālik bin Anas

yang wafat pada tahun 179H, Imam Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘iy yang wafat pada tahun 204H dan Imam Aḥmad bin Ḥanbal yang wafat pada tahun 241H (Zahrah, n.d.).

Kedudukan Ṭayyib Sebagai Prasyarat Pemakanan Mengikut Mazhab Hanafi

Walaupun secara umumnya tidak banyak perbincangan para fuqaha mazhab Hanafi berkaitan *ṭayyib* sebagai prasyarat pemakanan, namun dalam beberapa perbincangan di dalam kitab-kitab fiqah mazhab Hanafi terdapat catatan fuqaha yang menunjukkan bahawa *ṭayyib* dianggap sebagai prasyarat dalam pemakanan yang dibenarkan oleh syarak. Hal ini antaranya disebutkan oleh al-Kāsāniy (1986) dalam permasalahan hukum memakan daging kuda, ketika beliau menghujahkan bahawa daging kuda dihukumkan sebagai haram untuk dimakan kerana daging kuda tidak dikategorikan sebagai sesuatu yang *ṭayyib*. Al-Kāsāniy (1986) dalam HF1 (jilid 5, muka surat 38) menyatakan:

ولحم الخيل ليس بطيب بل هو خبيث؛ لأن الطباع السليمة لا تستطيه بل تستخبثه حتى لا تجد أحدا ترك بطبعه إلا ويستخبثه وينقي طبعه عن أكله وإنما يرغبون في ركوبه ألا يرغب طبعه فيما كان مجبولا عليه، وبه تبين أن الشرع إنما جاء بإحلال ما هو مستطاب في الطبع لا بما هو مستخبث ولهذا لم يجعل المستخبث في الطبع غذاء اليسر وإنما جعل ما هو مستطاب بلغ في الطيب غايته

Terjemahan: “Daging kuda bukanlah sesuatu yang baik (ṭayyib), malah ia dianggap jijik, kerana tabiat semula jadi manusia yang sihat tidak menganggapnya sebagai sesuatu yang baik, bahkan menganggapnya sesuatu yang menjijikkan. Sehingga, tidak akan ditemui seseorang yang secara semula jadi, melainkan dia akan menganggapnya jijik dan menolak untuk memakannya. Sebaliknya, mereka hanya berkehendak untuk menungganginya, kerana naluri mereka cenderung kepada apa yang secara fitrah dijadikan untuknya. Dari situ, jelaslah bahawa syariat hanya menghalalkan sesuatu yang secara semula jadinya dianggap baik, bukan sesuatu yang dianggap jijik. Oleh sebab itu, perkara yang dianggap jijik secara fitrah tidak dijadikan sebagai makanan dalam keadaan mudah (tiada keterpaksaan), sebaliknya, yang dijadikan sebagai makanan hanyalah sesuatu yang baik dan mencapai tahap kesempurnaan padanya”.

Walaupun terdapat perbincangan terperinci dalam kalangan fuqaha mazhab Hanafi berkaitan hukum memakan daging kuda, kerana para fuqaha mazhab Hanafi sendiri berbeza pandangan mengenai hukum bagi perbuatan tersebut antara pandangan yang mengharuskannya seperti pandangan Abū Yūsuf dan Muḥammad, atau pandangan yang menghukumnya sebagai makruh seperti pandangan Imam Abū Ḥanīfah sendiri (Al-Murghīnāniy, n.d.), namun teks al-Kāsāniy di dalam HF1 yang disebutkan tadi jelas menunjukkan bahawa *ṭayyib* dianggap sebagai prasyarat pemakanan dalam mazhab Hanafi sehingga dijadikan sebagai sandaran untuk dihujahkan mengenai pengharaman daging kuda. Justeru perbezaan pandangan yang berlaku dalam kalangan fuqaha mazhab Hanafi adalah pada sudut status daging kuda itu sendiri sama ada dikategorikan sebagai makanan yang *ṭayyib* atau tidak, yang menyebabkan mereka berbeza pandangan pada menentukan hukum *taklīf* bagi perbuatan memakan daging kuda.

Begitu juga al-Sarakhsiy (1993) turut menyamakan sesuatu yang tidak halal sebagai lawan kepada sesuatu yang *ṭayyib* yang diklasifikasikan oleh beliau sebagai “*mustakhbath*”. Berdasarkan kepada pandangan al-Sarakhsiy ini, dapat difahami bahawa beliau mengklasifikasikan makanan kepada dua, iaitu sama ada *ṭayyib* atau *khābīth*, yang membezakan antara makanan yang halal dan yang haram untuk dimakan. Hal yang hampir sama juga turut

disebutkan oleh al-Shilbiy apabila menyebutkan minuman yang selain daripada arak sebagai “*mashrūb ṭayyib*”, yang membawa kepada makna minuman yang baik dan boleh untuk diminum (Al-Shilbiy, 1314).

Begitu juga mazhab Hanafi menghukumkan anggota badan yang menjijikkan pada seseekor haiwan sebagai haram untuk dimakan kerana tidak menepati konsep *ṭayyib* yang merupakan prasyarat dalam pemakanan (al-Kāsāniy, 1986). Dalam permasalahan ini, al-Kāsāniy (1986) menyebutkan anggota-anggota badan seperti bahagian kemaluan, testis, kelenjar, pundi kencing, dan hempedu sebagai bahagian haiwan yang dianggap tidak *ṭayyib* walaupun daripada jenis haiwan yang halal untuk dimakan. Justeru, bahagian-bahagian anggota yang disebutkan ini tetap tidak boleh dimakan mengikut mazhab Hanafi kerana tidak memenuhi kriteria *ṭayyib*.

Selain itu, terdapat juga sebahagian fuqaha mazhab Hanafi yang berpandangan bahawa *ṭayyib* adalah tahap bagi sesuatu makanan yang halal dan tiada syubhah padanya seperti yang disebutkan oleh al-Shaybāniy (2012). Berdasarkan kepada pandangan ini, maka *ṭayyib* tidak dilihat sebagai prasyarat pemakanan, sebaliknya dilihat sebagai nilai tambah pada sesuatu makanan. Hal ini demikian kerana mengikut pandangan yang kuat (*al-aṣaḥ*) dalam mazhab Hanafi; perkara yang dinilai sebagai syubhah tidak boleh dihukumkan sebagai halal ataupun haram kerana perkara syubhah dianggap sebagai perkara yang tidak dapat dipastikan hukum syarak padanya, justeru hukum *taklīfī* bagi pengambilan makanan yang syubhah adalah makruh mengikut pandangan yang kuat (*ṣawāb*) (Al-‘Ayniy, 1431).

Dari sudut lain, Al-‘Ayniy (1431) juga turut menggunakan frasa “*ṭayyib*” dalam merujuk kepada aspek nilai tambah dan bukannya prasyarat minimum dalam pemakanan. Hal ini dapat dilihat dalam kenyataan beliau di dalam HF4, (jilid 1, muka surat 300):

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْخُلَفَاءُ بَعْدَهُ وَأَكْثَرُ أَصْحَابِهِ كَانُوا يَزْهَدُونَ فِي الْمُبَاحِ، فَزَفَضُوا التَّنَعُّمَ بِطَيِّبِ الْأَطْعِمَةِ

Terjemahan: “Bahawa Nabi, para khalifah selepas Baginda, dan kebanyakan sahabat Baginda bersikap zuhud terhadap perkara yang dibolehkan, maka mereka menolak untuk menikmati makanan yang baik”.

Namun kenyataan ini tidaklah menggambarkan bahawa al-‘Ayniy tidak menganggap *ṭayyib* sebagai salah satu prasyarat dalam pemakanan, sebaliknya perkataan “*ṭayyib*” itu sendiri dari sudut bahasa sememangnya membawa kepada sesuatu yang baik secara umumnya. Selain itu, frasa ini juga boleh difahami dengan makna mereka menolak sebahagian daripada makanan yang baik, dan bukan bermaksud mereka menolak kesemuanya berdasarkan prinsip dalam ilmu Balaghah dalam Bahasa Arab yang dikenali sebagai prinsip “*itlāq al-kull wa yurādu bihi al-ba‘d*”.

Justeru dari sudut pandang fuqaha mazhab Hanafi dapat dirumuskan bahawa aspek *ṭayyib* pada sesuatu makanan turut memberi kesan kepada hukum *taklīfī* bagi perbuatan memakan sesuatu makanan tersebut. Berdasarkan hal ini, maka dapat dirumuskan bahawa halal dan *ṭayyib* di sisi pandangan majoriti dalam mazhab Hanafi merupakan prasyarat yang mesti dipenuhi dalam sesuatu makanan atau minuman untuk dianggap sebagai dibenarkan oleh syarak, seperti yang dapat dilihat dalam teks HF1, HF2, dan HF3. Sungguhpun begitu, terdapat pandangan minoriti seperti dalam teks HF4 yang menunjukkan hukum *taklīfī* bagi pemakanan yang bukan *ṭayyib* hanyalah membawa kepada hukum makruh sahaja kerana *ṭayyib* dilihat dari sudut pandangan tersebut sebagai makanan yang tidak mengandungi elemen syubhah padanya.

Kedudukan Ṭayyib Sebagai Prasyarat Pemakanan Mengikut Mazhab Maliki

Secara asasnya fuqaha mazhab Maliki berpandangan bahawa ṭayyib dan halal adalah merujuk kepada satu perkara yang sama, iaitu sesuatu makanan yang dibenarkan oleh syarak untuk memakannya. Perkara ini dapat dilihat dalam kenyataan Zarrūq (2006) di dalam teks M1 (jilid 2, muka surat 1000) seperti berikut:

وتفسير الطيب بالحلال هو قول مالك وجماعة من العلماء في قوله تعالى: {ويحل لهم الطيبات}

Terjemahan: “*tafsiran “al-ṭayyib” sebagai sesuatu yang halal adalah pendapat Imam Malik dan sekumpulan ulama mengenai firman Allah SWT “ويحل لهم الطيبات” (Dihalalkan bagi kalian perkara-perkara yang baik)*”.

Selain itu, Zarrūq (2006) di dalam teks M1 (jilid 2, muka surat 1000) juga turut menegaskan perkara yang hampir sama seperti berikut:

أن الطيب الذي هو الحلال مطلوب في كل مستعمل

Terjemahan: “*Bahawa “ṭayyib” adalah halal yang merupakan perkara yang dituntut dalam setiap perkara yang digunakan*”.

Kedua-dua teks M1 di atas jelas menunjukkan bahawa mazhab Maliki menganggap kedua-dua halal dan ṭayyib adalah merujuk kepada perkara yang sama, justeru kedua-duanya dianggap sebagai prasyarat dalam pemakanan. Zarrūq (2006) juga turut menjelaskan bahawa perkataan ṭayyib walaupun dari sudut bahasanya membawa kepada makna makanan yang lazat, namun begitu dari perspektif syarak, makanan ṭayyib hanya merujuk kepada makanan yang halal sahaja, manakala makanan yang terdapat unsur haram padanya, maka makanan tersebut dianggap sebagai *khabīth*.

Mazhab Maliki berpandangan bahawa ṭayyib dan halal merujuk kepada perkara yang sama berdasarkan kepada beberapa ayat Quran yang menggunakan perkataan “ṭayyib” untuk merujuk kepada makna sesuatu makanan yang halal seperti ayat ke-51 daripada Surah al-Mukminūn, dan seumpamanya (Ibn al-Ḥājj, n.d.).

Justeru dirumuskan bahawa menurut mazhab Maliki, kedua-dua halal dan ṭayyib, adalah merupakan dua perkara yang seiring dan kedua-duanya menjadi prasyarat dalam pemakanan, dan kedua-duanya merujuk kepada perkara yang sama. Oleh kerana ini juga, Al-Qāḍī Abū al-Walīd ketika membincangkan mengenai pengharaman memakan *al-madar*, beliau berhujahkan bahawa *al-madar* yang merupakan tanah kering ini tidak dikategorikan sebagai ṭayyib walaupun terdapat segelintir masyarakat ketika itu yang memakannya, lalu perbuatan tersebut dihukumkan sebagai perbuatan yang haram. Fuqaha Maliki turut menghukumkan bukan sahaja haram perbuatan memakan *al-madar*, tetapi penjualannya juga tidak dibolehkan dan mestilah disekat oleh pemerintah (Ibn Rushd al-Jadd, 1988).

Kedudukan Ṭayyib Sebagai Prasyarat Pemakanan Mengikut Mazhab Syafii

Mazhab Syafii berpandangan bahawa konsep halal dan ṭayyib adalah merupakan dua konsep yang berbeza, namun kedua-duanya adalah merupakan prasyarat yang perlu dipenuhi dalam sesuatu pemakanan yang dibenarkan oleh syarak. Hal ini demikian adalah berdasarkan kepada ayat keempat daripada Surah al-Mā'idah yang menjawab kepada persoalan mengenai makanan dan minuman yang dihalalkan. Sebagai respons kepada persoalan yang diajukan, Allah SWT berfirman dengan menegaskan bahawa makanan yang halal itu ialah makanan yang ṭayyib.

Mengulas mengenai hal ini, al-Nawawiy (n.d.) dalam teks S1 (jilid 9, muka surat 26) menyatakan seperti berikut:

قال أصحابنا وغيرهم وليس المراد بالطيب هنا الحلال لأنه لو كان المراد الحلال لكان تقديره أحل لكم الحلال وليس فيه بيان

Terjemahan: “Para ulama mazhab Syafii dan lain-lain berkata bahawa yang dimaksudkan dengan “ṭayyib” di sini bukanlah “halal”, kerana sekiranya yang dimaksudkan adalah halal, maka maknanya akan menjadi “aku menghalalkan kepada kamu perkara yang halal” yang tidak mengandungi sebarang penjelasan pun padanya (terhadap persoalan yang diajukan)”.

Hal yang hampir sama juga turut disebutkan oleh Al-Shirbīniy (1994) dalam teks S2 (jilid 6, muka surat 145) seperti berikut:

وَلَا يَجُوزُ أَنْ يُرَادَ الْحَلَالُ لِأَنَّهُمْ سَأَلُوهُ عَمَّا يَحِلُّ لَهُمْ، فَكَيْفَ يَقُولُ أَحَلَّ لَكُمْ الْحَلَالَ

Terjemahan: “tidak boleh dimaksudkan (ṭayyib) kepada makna halal, kerana mereka bertanya kepada Baginda mengenai perkara yang dihalalkan bagi mereka. Maka bagaimana mungkin Baginda menjawab: “Dihalalkan bagi kamu perkara yang halal”?”.

Kedua-dua teks ungkapan al-Nawawiy dan al-Shirbīniy yang dipetik jelas menunjukkan bahawa mereka membezakan antara aspek *ṭayyib* dan halal. Hal ini diujahkan dengan perkataan “*ṭayyib*” yang terdapat dalam ayat keempat daripada Surah Al-Mā'idah yang tidak boleh ditafsirkan kepada makna “*halal*” kerana tafsiran sebegini akan menyebabkan berlakunya pengulangan makna dalam ayat tersebut, dan tidak menambahkan sebarang makna yang baharu, sedangkan konteks ayat tersebut adalah dalam rangka menjawab persoalan yang diajukan.

Sungguhpun al-Nawawi membezakan antara halal dan *ṭayyib* seperti yang telah dijelaskan, namun dalam konteks lain, beliau turut berpendapat bahawa perkataan “*ṭayyib*” juga boleh merujuk kepada makna halal itu sendiri. Hal ini boleh dilihat dalam kenyataan Al-Nawawiy (1994) dalam teks S3 (jilid 7, muka surat 98) dalam menghuraikan perkataan “*ṭayyib*” yang terkandung dalam sebuah hadis:

قَوْلُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ (وَلَا يَقْبَلُ اللَّهُ إِلَّا الطَّيِّبَ) الْمُرَادُ بِالطَّيِّبِ هُنَا الْحَلَالُ

Terjemahan: “Sabda Nabi SAW “Allah tidak menerima kecuali sesuatu yang ṭayyib”, yang dimaksudkan dengan “ṭayyib” di sini adalah perkara yang halal”.

Namun hal ini tidaklah menunjukkan bahawa halal dan *ṭayyib* itu merujuk kepada perkara yang sama di sisi al-Nawawi, sebaliknya petikan teks daripada S3 tersebut hanyalah menunjukkan bahawa dari sudut penggunaan bahasa Arab, perkataan *ṭayyib* boleh juga diertikan sebagai halal. Namun dalam konteks *ṭayyib* sebagai prasyarat dalam pemakanan, aspek ini mempunyai nilai tersendiri yang berbeza dengan halal seperti yang diujahkan berdasarkan kepada ayat keempat daripada Surah al-Mā'idah tadi. Justeru dirumuskan bahawa pandangan yang muktamad dalam mazhab Syafii adalah dengan menganggap halal dan *ṭayyib* sebagai dua aspek yang berbeza, namun kedua-duanya menjadi prasyarat dalam pemakanan yang mesti dipenuhi.

Kedudukan *ṭayyib* Sebagai Prasyarat Pemakanan Mengikut Mazhab Hanbali

Mazhab Hanbali juga turut mempunyai pandangan yang sama dengan mazhab Syafii, iaitu mereka berpandangan bahawa *ṭayyib* merupakan salah satu prasyarat dalam menjadikan sesuatu makanan itu boleh dimakan oleh orang Islam. Selain itu, mereka juga turut menegaskan bahawa halal dan *ṭayyib* merupakan dua perkara yang berbeza dan kedua-duanya menjadi prasyarat dalam pemakanan. Hal ini antaranya ditegaskan oleh Ibn Qudāmah (1985) seperti yang boleh dilihat dalam teks HB1 (jilid 13, muka surat 316) ketika menghuraikan ayat keempat daripada Surah al-Mā'idah seperti berikut:

ولو أَرَادَ الْحَلَالَ لَمْ يَكُنْ ذَلِكَ جَوَابًا لَهُمْ.

Terjemahan: "Jika yang dimaksudkan adalah halal, maka itu bukanlah jawapan bagi mereka".

Aspek *ṭayyib* juga dianggap oleh mazhab Hanbali sebagai salah satu prasyarat dalam pemakanan. Justeru, mereka menghukumkan haram terhadap perbuatan memakan makanan yang tidak dianggap sebagai *ṭayyib*. Hal ini dapat dilihat pada huraian Al-Buhūtiy (1994) ketika menghuraikan mengenai hukum haram memakan burung gagak kerana haiwan ini tidak dianggap sebagai *ṭayyib*, bersandarkan kepada kenyataan 'Urwah yang dirujuk dalam teks HB2 (jilid 3, muka surat 408) seperti berikut:

ومن يأكل الغراب وقد سماه رسول الله صلى الله عليه وسلم فاسقا والله ما هو من الطيبات. ولأنه صلى الله عليه وسلم أباح قتل الغراب بالحرم ولا يجوز قتل صيد مأكول في الحرم

Terjemahan: "Siapakah (yang membenarkan) memakan burung gagak? Sedangkan Rasulullah SAW menggelarkannya sebagai "fasiq". Demi Allah, ia bukanlah dari perkara yang ṭayyib, kerana Rasulullah SAW membenarkan untuk membunuh burung gagak di tanah haram, sedangkan tidak dibenarkan untuk membunuh buruan yang halal di makan di tanah haram".

Justeru dapat disimpulkan bahawa mazhab Hanbali dalam permasalahan ini mempunyai persamaan yang rapat dengan mazhab Syafi'i, iaitu kedua-duanya menganggap bahawa halal dan *ṭayyib* merupakan dua perkara yang berbeza, namun kedua-duanya merupakan prasyarat dalam pemakanan yang mesti dipenuhi bagi memastikannya dihukumkan sebagai harus untuk dimakan.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada penjelasan yang telah dikemukakan dalam kajian ini, maka disimpulkan bahawa keempat-empat mazhab fiqah bersepakat secara majoritinya bahawa *ṭayyib* merupakan prasyarat dalam pemakanan seperti halal juga. Penyelidikan ini juga mendapati bahawa walaupun keempat-empat mazhab fiqah bersepakat mengenai kedudukan *ṭayyib* sebagai prasyarat dalam pemakanan, namun hakikatnya terdapat perbezaan pandangan mereka dalam menentukan konsep *ṭayyib* yang menjadi prasyarat tersebut, seperti yang boleh dilihat pada Jadual 2.

Jadual 2: Senarai Sampel Kajian

#	Mazhab	<i>Ṭayyib</i> dan halal	Prasyarat
1	Mazhab Hanafi	Dua konsep yang berbeza	Ya
2	Mazhab Maliki	Merujuk kepada perkara yang sama	Ya
3	Mazhab Syafii	Dua konsep yang berbeza	Ya
4	Mazhab Hanbali	Dua konsep yang berbeza	Ya

Sumber: Ringkasan Pengkaji

Kajian ini turut memberikan implikasi bahawa penggunaan istilah “*tidak ṭayyib*” tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya tanpa parameter yang jelas, kerana implikasi penggunaan istilah ini dari sudut penggunaan para fuqaha merujuk kepada makanan yang haram. Selain itu, kajian ini turut mencadangkan agar kajian lanjut boleh dilakukan dengan mengenal pasti kriteria-kriteria *ṭayyib* dalam pemakanan mengikut pandangan empat mazhab fiqah. Hal ini penting kerana aspek *ṭayyib* merupakan prasyarat dalam pemakanan yang mesti dipenuhi mengikut pandangan keempat-empat mazhab fiqah. Justeru, kriteria-kriteria *ṭayyib* dalam pemakanan mengikut mazhab fiqah wajar untuk dikaji bagi memastikan penggunaan istilah *ṭayyib* dalam pemakanan adalah sejajar dengan pandangan para fuqaha, dan seterusnya dapat mengenal pasti kriteria pemakanan yang benar-benar menepati konsep *ṭayyib* mengikut perspektif syarak.

Rujukan

- Abdul Mokti, H., Kamri, N. A., & Mohd Balwi, M. A. W. F. (2024). Tayyiban in halal food production: a systematic literature review. *Journal of Islamic Marketing*, 15(2), 397–417. <https://doi.org/10.1108/JIMA-03-2022-0098>
- Al-‘Ayniy, B. al-D. A. M. M. (1431). *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy*. Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabīy.
- Al-Buhūtiy, M. bin Y. bin I. (1994). *Daqāiq Ulī al-Nuhā li Sharḥ al-Muntahā*. ‘Ālam al-Kutub.
- Al-Kāsāniy, ‘Alā’ al-Dīn Abū Bakr. (1986). *Badāi’ al-Ṣanāi’ fī Tartīb al-Sharāi’*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Murghīnāniy, ‘Aliy bin Abī Bakr al-Farghāniy. (n.d.). *Al-Hidāyah fī Sharḥ Bidāyah al-Mubtadī* (Tilāl Yūsuf, Ed.). Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabīy.
- Al-Nawawiy, A. Z. M. al-D. (n.d.). *al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab*. Idārah al-Tibā’ah al-Munīriyyah.
- Al-Nawawiy, A. Z. M. al-D. (1994). *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Dār al-Khayr.
- Al-Qurṭubiy, A. ‘Abd A. M. S. al-D. (1964). *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān* (A. Al-Bardūniy & I. Aṭfīsh, Eds.). Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Al-Saqqāf, ‘Alawiy bin Aḥmad ‘Abd al-Raḥmān. (n.d.). *Al-Fawā’id al-Makkiyyah fīmā Yaḥtājuh Ṭalabah al-Shāfi’iyyah*. Markaz al-Nūr li al-Dirāsah wa al-Abḥāth.
- Al-Sarakhsīy, M. A. (1993). *Al-Mabsūṭ*. Dār al-Ma’rifah.
- Al-Shaybāniy, M. bin al-Ḥasan. (2012). *Al-Aṣl* (Muḥammad Boynukalın, Ed.). Dār Ibn Ḥazm.
- Al-Shilbiy, S. al-D. A. bin M. (1314). *Hāshiyah ‘alā Tabyīn al-Ḥaqā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq*. Maṭba’ah al-Kubrā al-Amīriyyah.
- Al-Shirbīniy, S. al-D. M. al-K. (1994). *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma’rifah Ma’ānī Alfāz al-Minhāj*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Suyūṭiy, J. al-D. ‘Abd al-R. bin A. B. (1967). *Ḥusn al-Muḥāḍarah fī Tārīkh Miṣr wa al-Qāhirah*. Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabīyyah.
- Aziz, N, Bakry, N., Mz, M. H. & Armia, M. S. (2023). The paradigm of modern food products and its relevance with the concept of food in the Quran. *Heliyon*, 9.
- Elgharbawy, A., & Azmi, N. A. N. (2022). Food as medicine: how eating halal and tayyib contributes to a balanced lifestyle. *Halalsphere*, 2(1).
- Hashim, K., Mohammad, N., & Kamis, M. S. (2022). Kepentingan memahami konsep halalan tayyiban dalam aspek keselamatan makanan di kalangan mahasiswa Muslim: pandangan daripada perspektif Maqasid Syariah memelihara nyawa. *Journal of Management and Muamalah*, 12(2), 1–11. <https://jmm.uis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/126>
- Ibn al-Ḥājī, M. M. al-‘A . (n.d.). *al-Madkhal*. Dār al-Turāth.
- Ibn Kathīr, I. bin ‘Umar. (1999). *Tafsīr al-Qurān al-‘Aẓīm* (Sāmī Muḥammad Salāmah, Ed.). Dār Ṭayyibah Li al-Nashr wa al-Tawzī’.
- Ibn Qudāmah, ‘Abd Allāh Aḥmad Muḥammad al-Maqdisiy. (1985). *Al-Mughnī*. Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabīy.
- Ibn Rushd al-Jadd, A. al-W. M. bin A. bin R. al-Q. (1988). *Al-Bayān wa al-Taḥṣīl*. Dār al-Gharb al-Islāmiy.
- Jumu‘ah, ‘Aliy. (2007). *al-Madkhal ilā Dirāsah al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*. Dār al-Salām.
- Kamali, M. H. (2013). *The Parameters of Halal and Haram in Shariah and the Halal Industry* (Anas S. Al-Shaikh Ali & Shiraz Khan, Eds.). International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Md Dahlal, N., & Ahmad, F. (2019). *Beyond Halal in Food Product: Present and Future of Halalan Tayyiban*. 276.

- Mohamed, M. I., & Shafiai, M. H. M. (2021). Sekuriti makanan berlandaskan konsep halalan toyyiban: analisis dari perspektif maqasid shariah. *Jurnal Hadhari*, 2(13), 221–243.
- Sirajuddin, M. D. M., & Mahaiyadin, M. H. (2022). Tayyib from the perspective of Qur’anic thematic analysis: proposing new insights for Best practice in the global halal industry. *Global Journal Al-Thaqafah, Special Issue*.
- Zahrah, M. A. (n.d.). *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah fī al-Siyāsah wa al-‘Aqāid wa Tārīkh al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*. Dār al-Fikr al-‘Arabiyy.
- Zainol, Z., Yahaya, R., Osman, J., & Omar, N. A. (2020). Application of the tayyib concept among Malaysian muslim consumers. *Journal of Islamic Marketing*, 11(3), 819–840. <https://doi.org/10.1108/JIMA-03-2018-0048>
- Zarrūq, A. bin A. bin M. (2006). *Sharḥ Zarrūq ‘alā Matn al-Risālah* (Aḥmad Farīd al- Mazīdiy, Ed.). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.